


**HUBUNGAN FAKTOR EKSTRALINGUISTIK BAHASA KEDUA DENGAN  
PENCAPAIAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR  
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DI NEGERI SEMBILAN, MALAYSIA**



By

**ROHAIDAH BINTI KAMARUDDIN**

**Thesis Submitted to the School of Graduate Studies, Universiti Putra  
Malaysia, in Fulfilment of the Requirements for the Degree of  
Doctor of Philosophy**

**December 2012**

**FBMK 2012 19**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**HUBUNGAN FAKTOR EKSTRALINGUISTIK BAHASA KEDUA  
DENGAN PENCAPAIAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN  
PELAJAR SEKOLAH BERASRAMA PENUH  
DI NEGERI SEMBILAN, MALAYSIA**

Oleh

**ROHAIDAH BINTI KAMARUDDIN**

**Disember 2012**

**Pengerusi: Profesor Madya Noor Aina Dani, PhD**

**Fakulti: Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi**

Penyelidikan tentang hubungan faktor ekstralinguistik bahasa kedua dengan pencapaian bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu yang multilingual di sekolah-sekolah berasrama penuh di Malaysia masih sangat kurang. Menyedari hakikat ini, penyelidik telah menjalankan satu kajian ke atas faktor-faktor ekstralinguistik bahasa kedua yang dominan dalam pembelajaran bahasa kedua. Penyelidik berminat untuk mengkaji faktor motivasi, emosi, sikap dan personaliti sebagai pembolehubah ekstralinguistik. Lanjutan daripada usaha tersebut, penyelidik cuba mencari hubungan antara pencapaian mata pelajaran bahasa Melayu pelajar dengan faktor ekstralinguistik bahasa kedua.

Teori Monitor diangkat sebagai kerangka teori dalam penyelidikan ini. Rasional penggunaan Teori Monitor dirumuskan mengikut konteks pembelajaran bahasa kedua . Sampel kajian terdiri daripada sekumpulan pelajar Melayu tingkatan empat di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Jempol, Batu Kikir (SBPIJ); Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar, Kuala Pilah (STJ); dan Sekolah Menengah Sains Rembau (SEMESRA), Negeri Sembilan, Malaysia. Jumlah sampel kajian adalah sebanyak 224 pelajar Melayu yang multilingual.

Dapatan kajian daripada kajian tinjauan lapangan dan pemerhatian menunjukkan kumpulan pelajar Melayu di SBPIJ memilih sikap terhadap penutur jati bahasa kedua (B2) sebagai pembolehkan motivasi yang dominan, begitu juga kumpulan pelajar Melayu di STJ. Kumpulan pelajar Melayu SEMESRA memilih minat terhadap B2 sebagai pembolehkan motivasi yang dominan. Motivasi ekstrinsik pelajar Melayu SBPIJ dan STJ berada pada tahap tinggi manakala pilihan pelajar SEMESRA ialah motivasi intrinsik. Respons dari segi emosi menunjukkan pelajar Melayu SBPIJ dan SEMESRA lebih suka diberitahu dengan tepat apa yang perlu dibuat semasa mengambil nota B2. Pelajar Melayu STJ pula memilih jawapan mereka boleh belajar B2 dalam jangka masa yang lama tanpa rehat. Faktor sikap yang paling diminati oleh pelajar Melayu SBPIJ ialah meneruskan pembelajaran B2 dan menggunakan untuk kerjaya masa

depan dan untuk pergaulan. STJ memilih sikap belajar B2 sangat berguna dan menggembirakan. Pelajar Melayu SEMESRA memilih bertutur dalam B2 sangat berguna untuk kerjaya dan kehidupan sosial.

Hasil analisis keputusan Ujian Warna membolehkan penyelidik mengetahui biasan personaliti pelajar secara terperinci. Pelajar Melayu SBPIJ memilih warna ungu, STJ memilih warna biru dan hijau, manakala SEMESRA lebih gemar warna hijau. Ringkasnya, warna ungu melambangkan konflik personaliti, warna biru mempamerkan ketenangan, dan warna hijau ialah ketegasan.

Terdapat korelasi yang positif dan signifikan antara markah mata pelajaran Bahasa Melayu kumpulan pelajar Melayu SBPIJ, STJ, dan SEMESRA dengan min faktor-faktor ekstralinguistik B2. Hal ini dibuktikan pada nilai signifikan pekali korelasi spearman rho 1.000 . Hasil dapatan ANCOVA yang menunjukkan nilai signifikan 0.000 juga lebih kecil daripada paras alpha 0.025. Nilai hasil analisis statistik tersebut membolehkan penyelidik menerima hipotesis alternatif bahawa terdapat hubungan positif teguh antara pencapaian bahasa Melayu dengan faktor ekstralinguistik bahasa kedua. Prinsip Teori Monitor menegaskan mekanisme mental memproses dan menyusun bahasa yang didedahkan kepada pelajar B2. Hal seumpama ini menyediakan asas untuk penyelidik membuat kesimpulan

tentang struktur minda yang tidak ketara pada penglihatan. Dapatlah dikatakan bahawa bahasa daripada persekitaran pelajar diproses melalui *filter*, *organizer*, dan *monitor* lalu menghasilkan pelakuan lisan dan sikap pelajar terhadap bahasa-bahasa mendatang. Penyelidik menyimpulkan bahawa hipotesis tempoh kritikal untuk belajar bahasa kedua tamat selepas seseorang akil baligh tidak benar dalam kes kumpulan Pelajar Melayu di SBPIJ, STJ, dan SEMESRA. Walaupun pelajar Melayu mendapat pendedahan bahasa kedua pada usia lewat, mereka masih dapat menguasai bahasa kedua yang berkaitan dengan adanya LAD.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

**THE RELATIONSHIP BETWEEN SECOND LANGUAGE EXTRALINGUISTIC FACTORS AND MALAY LANGUAGE ACHIEVEMENT AMONG BOARDING SCHOOL STUDENTS IN NEGERI SEMBILAN, MALAYSIA**

By

**ROHAIDAH BINTI KAMARUDDIN**

**December 2012**

**Chairman: Associate Professor Noor Aina Dani, PhD**

**Faculty: Faculty of Modern Languages and Communication**

Research on the relationship of second language extra linguistic factors with Malay language achievement among Malay multilingual students at boarding schools in Malaysia is still deficient. Being aware of this fact, the researcher has conducted a study on dominant second language extra linguistic factors in learning a second language. The researcher is interested in studying motivation, emotion, attitude and personality factors as variables in extra linguistic. As a continuation of these efforts, the researcher tried to find the relationship between academic achievement in Malay language by the students and the second language extra linguistic factors. Monitor theory is adopted as theoretical framework in this research. The Monitor Theory rational use is formulated in the context of second language learning. The sample consists of a group of Malay

students from Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Jempol, Batu Kikir (SBPIJ); Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar, Kuala Pilah (STJ); and Sekolah Menengah Sains Rembau (SEMESRA), Negeri Sembilan, Malaysia. The total of 224 samples are multilingual Malay students.

The results from the field survey and observation study showed that Malay students from SBPIJ choose attitude toward second language (L2) speaker identity as the dominant motivation variable, the same as well to Malay students from STJ. Malay student group from SEMESRA choose interest in L2 as the dominant variable in motivation. Extrinsic motivation in SBPIJ and STJ Malay students are at the high level of student while SEMESRA students choice is intrinsic motivation. Emotional response shows Malay students from SBPIJ and SEMESRA prefer to be told exactly what to do when taking L2 notes. STJ Malay students from STJ chose the answer they can learn L2 for a long time without a break. Attitude factor of most interest by Malay students from SBPIJ is to continue learning L2 and use it for future career and for socializing. STJ choose L2 attitudes as very useful and enjoyable. Malay students from SEMESRA choose speaking in L2 is very useful for career and social life. The Colour Test analytical result allow researchers to know the students refractive personality in detail. SBPIJ Malay students choose purple, STJ select the color blue and green, while SEMESRA prefer green. In short, the color purple symbolizes the personality conflicts, blue exhibit peace, and green is firmness.

There are positive and significant correlation between scores of Malay Language subject and the mean of L2 extra linguistic factors of SBPIJ, STJ, and SEMESRA Malay students group. This is shown at the significant value of spearman rho correlation coefficient 1.000. ANCOVA findings indicate that the 0.000 is also significantly smaller than the alpha level of 0.025. The value of the statistical analysis allow researcher to accept the alternative hypothesis which stated there is a strong positive relationship between achievement in Malay and the second language extra linguistic factors.

Monitor Theory asserts the principle of mental mechanisms process and compile the language students are exposed to L2 students. Case such as this provide a basis for the researcher to make conclusions about the structure of the mind that is not tangible visually. It can be said that the language from the student environment is processed through the filter, organizer, and monitor resulting in the oral language behavior and the student attitude towards the incoming languages. The researcher concluded that the critical period hypothesis for learning a second language ended after puberty is not true in the case of Malay students from SBPIJ, STJ, and SEMESRA. Even though the Malay students acquired the second language exposure at the later age, they still can master the second language due to LAD capacity.



## PENGHARGAAN

( Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang )

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya telah memberikan kekuatan dan kesihatan yang baik kepada saya untuk menyempurnakan Tesis ini bagi memenuhi syarat pengajian saya pada peringkat Doktor Falsafah Bahasa Melayu.

Sekalung penghargaan dan terima kasih saya rakamkan kepada Prof Madya Noor Aina Dani, Phd selaku penyelia bagi penyelidikan saya kerana kesungguhan beliau membimbing saya dari mula hingga akhir bagi melengkapkan kajian ini. Dalam proses menghasilkan kertas kerja projek ini, beliau dengan penuh tanggungjawab menyemak, membaca dan memberi pandangan serta komen yang membina terhadap kajian saya. Budi baik beliau akan tetap saya kenang dan semoga Allah jua yang membalasnya. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Tesis saya, iaitu Prof Madya Mohd. Faiz Sathivellu bin Abdullah,Phd dan Prof Madya Normaliza binti Abd. Rahim,Phd.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada para pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi kerana dengan penuh tanggungjawab memberi bimbingan dan tunjuk ajar serta sentiasa bermurah hati mencurahkan ilmu sepanjang saya mengikuti pengajian Doktor Falsafah Bahasa Melayu. Tidak dilupakan pegawai – pegawai di bahagian pentadbiran sarjana, Puan Salmiah, Encik Fareed dan yang lain yang banyak membantu dalam urusan pentadbiran.

Setinggi-tinggi terima kasih saya rakamkan kepada para pelajar Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Jempol, Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar dan Sekolah Menengah Sains Rembau kerana telah memberi kerjasama yang diharapkan semasa saya menjalankan kajian. Ribuan terima kasih juga kepada Puan Ashah binti Samah, Dato' Haji Azam bin Hj Md Atan dan semua responden yang telah membantu dalam penyelidikan ini dengan memberikan maklumat yang tepat, sahih dan padat.

Sekian, terima kasih.

**“ BERILMU BERBAKTI ”**

ROHAIDAH BT. KAMARUDDIN  
GS 20821

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Noor Aina bt Dani, Phd**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia,  
( Pengerusi )

**Mohd Faiz Sathivellu bin Abdullah, Phd**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia,  
( Ahli )

**Normaliza bt Abd. Rahim, Phd**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia,  
( Ahli )

**( BUJANG BIN KIM HUAT, PhD)**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap - tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini , dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

---

**ROHAIDAH BINTI KAMARUDDIN**

Tarikh : 14 Disember 2012

## JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

<b>ABSTRAK</b>	<b>i</b>	
<b>ABSTRACT</b>	<b>v</b>	
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>viii</b>	
<b>PENGESAHAN</b>	<b>x</b>	
<b>PERAKUAN</b>	<b>xii</b>	
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xviii</b>	
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xix</b>	
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xx</b>	
<b>BAB</b>		
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	Latar Belakang Kajian	1
	Unsur – unsur Ekstralinguistik	1
	Bahasa Kedua dalam Pendidikan di Malaysia	4
	Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Melayu Kajian	5
	Pernyataan Masalah	8
	Persoalan Kajian	11
	Objektif Kajian	12
	Hipotesis Kajian	12
	Kepentingan Kajian	13
	Skop Kajian	19
	Definisi Operasional	20
	Faktor Ekstralinguistik Bahasa Kedua	20
	Pencapaian Bahasa Melayu	22
	Pelajar Melayu di Negeri Sembilan	22
<b>2</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	<b>23</b>
	Kajian tentang Teori Pembelajaran Bahasa	23
	Kajian tentang Teori Monitor oleh Noor Aina Dani (1996)	23
	Teori – Teori Membentuk Soal – Selidik	32
	Kajian tentang teori Motivasi Robert C Gardner (2005)	33
	Kajian tentang Emosi daripada Teori Rita Dunn (2004)	42

	Kajian tentang Sikap terhadap Bahasa oleh Zimbardo & Leippe (1991)	43
	Kajian tentang Teori Warna oleh Max Luscher ( 1981)	44
	Kajian Tentang Faktor Ekstralinguistik	45
	Pengaruh faktor ekstralinguistik pada kebolehfahaman bersama: Beberapa hasil awal daripada penutur Denmark dan Sweden oleh Anja Schuppert., Charlotte Gooskens (2011)	48
	Kajian tentang Pendedahan Bahasa	50
	Kajian tentang Motivasi	52
	Kajian tentang Emosi Peter D MacIntyre (2002)	59
	Kajian tentang Sikap Terhadap Bahasa	64
	Kajian tentang Warna	70
	Kajian tentang Personaliti Reid (1998)	77
	Kesimpulan	85
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	92
	Reka Bentuk Kajian	92
	Kerangka Teori	93
	Teori Monitor	93
	Kerangka Konseptual	99
	Tempat Kajian	100
	Populasi dan Pensampelan	101
	Kaedah Kajian	103
	Kaedah Tinjauan Lapangan	103
	Pendekatan Kajian	104
	Pembolehubah Kajian	105
	Pembolehubah Bersandar	105
	Faktor Ekstralinguistik Bahasa Kedua	105
	Motivasi	105
	Emosi	106
	Sikap	106
	Personaliti	106
	Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar	107
	Pembolehubah Bebas	107
	Pelajar – Pelajar Melayu	107

Alat Kajian	108
Soal – Selidik	108
Bahagian A untuk semua soal selidik	109
Demografi	109
Bahagian B untuk semua soal selidik	109
Pengaruh yang menyebabkan pelajar belajar bahasa kedua	109
Bahagian C	110
Teori yang berkaitan dengan kajian	110
Faktor (i) Motivasi – Teori Howard Gardner (2005)	110
Faktor (ii) Emosi – Teori Dunn (2004)	111
Faktor (iii) Sikap- Teori Zimbardo & Leippe (1991)	111
Faktor (iv) Personaliti – Ujian Max Luscher (2011)	112
Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	112
Soal Selidik	112
Tatacara Kajian	114
Kajian Rintis	114
Kajian Sebenar	114
Pengedaran borang soal selidik	114
Pentadbiran Soal selidik	115
Penganalisan Data	115
<b>4 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>118</b>
Profil sampel	118
Profil Pencapaian Bahasa Melayu Sampel	120
Faktor – Faktor Ekstralinguistik B2 yang dominan berdasar Kumpulan pelajar Melayu yang dikaji	123
Pembolehubah Motivasi	123
Pembolehubah emosi	130
Pembolehubah Sikap	137
Pembolehubah Personaliti	144
Hubungan Faktor Ekstralinguistik B2 dengan pencapaian bahasa Melayu Pelajar Melayu	151
Pembolehubah Motivasi	152
Pembolehubah Emosi	157
Pembolehubah Sikap	160
Pembolehubah Personaliti	162

Membandingkan Kekuatan Pencapaian bahasa Melayu Pelajar Melayu dengan Faktor Ekstralinguistik B2 berdasarkan Berdasarkan Kumpulan	169
Objektif 4 : Rasional Teori Monitor Krashen mengikut konteks Pembelajaran bahasa pelajar kajian.	176
Implikasi dapatan Kajian	184
<b>5 RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>189</b>
Rumusan	189
Rumusan Faktor Ekstralinguistik yang Dominan	190
1.Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Jempol (SBPIJ)	190
2.Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar (STJ)	191
3.Sekolah Menengah Sains Rembau (SEMESRA)	192
Rumusan hubungan pencapaian bahasa Melayu pelajar Melayu Dengan faktor ekstralinguistik B2	193
Rumusan kekuatan perbandingan Pencapaian bahasa Melayu Pelajar Melayu dengan Faktor Ekstralinguistik B2	197
Rumusan Rasional Teori Monitor	198
Cadangan Pembetulan	201
Cadangan Penyelidikan Selanjutnya.	204
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>205</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>217</b>
Lampiran A : Surat – menyurat	
Lampiran A2 : Kebenaran Menjalankan Kajian di Sekolah	
Lampiran A3 : Pencapaian Peperiksaan Setengah Tahun Responden	
Lampiran B : Soal Selidik	
Lampiran B1 : Contoh Soal Selidik dan Jawapan	
Lampiran B2 : Contoh Jawapan Kajian Rintis	
<b>BIODATA PENULIS</b>	<b>218</b>



## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Populasi Responden	101
2	Taburan Frekuensi untuk markah Bahasa Melayu responden	120
3	Faktor ekstralinguistik B2 yang dominan berdasarkan kumpulan pelajar Melayu kajian	124
4	Susunan faktor ekstralinguistik motivasi mengikut keutamaan kumpulan pelajar Melayu kajian	125
5	Faktor Ekstralinguistik B2 dari segi emosi berdasarkan kumpulan pelajar Melayu kajian	133
6	Suaian Personaliti dengan Pemilihan warna mengikut kumpulan pelajar Melayu Kajian	145
7	Korelasi Spearman Rho Hubungan Pembolehubah Bersandar dengan Minat Terhadap bahasa Asing	153
8	Korelasi Spearman Rho Hubungan Pembolehubah Bersandar dengan Markah	154
9	Korelasi Spearman Rho Hubungan Pembolehubah Bersandar dengan Kehendak	154
10.	Korelasi Spearman Rho Hubungan Pembolehubah Bersandar dengan Motivasi	155
11	Korelasi Spearman Rho Hubungan Pembolehubah Bersandar dengan Sikap Jati Diri	155
12	Korelasi Spearman Rho Hubungan Pembolehubah Bersandar dengan Sikap Terhadap bahasa Asing	156

13	Korelasi markah BM SBPIJ dengan faktor emosi	158
14	Korelasi markah BM STJ dengan faktor emosi	158
15	Korelasi markah BM SEMESRA dengan faktor emosi	158
16	Korelasi markah BM responden SBPIJ dengan faktor Sikap	160
17	Korelasi markah BM responden STJ dengan faktor Sikap	160
18	Korelasi markah BM responden SEMESRA dengan Sikap	160
19	Jadual Silang pemilihan warna oleh pelajar dengan Personaliti mengikut kumpulan SBPIJ	162
20	Jadual Silang pemilihan warna oleh pelajar dengan personaliti mengikut kumpulan responden STJ	164
21	Jadual silang pemilihan warna dengan personaliti mengikut kumpulan responden SEMESRA	166
22	Min Pembolehubah Bersandar	170
23	Min faktor Ekstralinguistik dengan Markah Bahasa Melayu Pelajar	170
24	Pembolehubah tidak Bersandar dan Min Ekstralinguistik	173

## SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Model Sosio-pendidikan Pengambilalihan Bahasa Kedua	34
2	Model sosio – pendidikan	37
3	Teori Pembelajaran Rita Dunn (2004)	43
4	Teori Zimbardo dan Leippe (1991)	44
5	Ujian Warna	45
6	Proses – proses Dalam	94
7	Kerangka Konseptual	99
8	Faktor Ekstralinguitik Emosi yang dominan mengikut kumpulan pelajar kajian	134
9	Carta Pie Sikap Keseluruhan Pelajar terhadap B2	141
10	Warna Popular mengikut pilihan kumpulan	146
11	Regresi ANCOVA Min Ekstralinguistik Bahasa Kedua	172
12	Kekuatan Hubungan Markah Bahasa Melayu dengan Faktor Ekstralinguistik Bahasa Melayu Mengikut Kumpulan Pelajar Melayu	175
13	Rasional Teori Mengikut Kumpulan. SBPIJ	176
14	Rasional Teori Mengikut Kumpulan. STJ	177
15	Rasional Teori Mengikut Kumpulan. SEMESRA	177

## SENARAI SINGKATAN

B2	= Bahasa kedua
BM	= Bahasa Melayu
SBP	= Sekolah Berasrama Penuh
KPT	= Kumpulan Pencapaian Tinggi
KPR	= Kumpulan Pencapaian Rendah
SBPIJ	= Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Jempol
STJ	= Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar, Kuala Pilah
SEMESRA	= Sekolah Menengah Sains Rembau, Rembau
PMR	= Penilaian Menengah Rendah
SPM	= Sijil Pelajaran Malaysia

*Tesis ini adalah doa dari ibu Hajah Malilah, bapa Haji Kamaruddin, suami Haji Mehrdad, adik - adik saya yang seramai sebelas orang dan anak - anak tersayang, Mohammad Ali, Amier Hussain dan Hassan yang tidak putus - putus mendoakan dan membantu dari segi kekuatan rohani untuk saya.*

# BAB I

## PENDAHULUAN

### Latar Belakang Kajian

#### Unsur – unsur Ekstralinguistik

Ekstralinguistik ialah situasi kebahasaan diluar lingkungan linguistik, akan tetapi dalam pembelajaran bahasa, unsur ekstralinguistik tetap diambil kira kerana dapat memberi maklumat tentang motivasi, emosi, sikap, personaliti dan yang seumpamanya, yang terbukti membantu seseorang pelajar menguasai bahasa tertentu ( Schmidt, 2010 ).

Menurut *The Free Dictionary* (2010), kata 'ekstralinguistik' membawa maksud pengetahuan bersama yang diperlukan untuk memahami sesuatu percakapan atau sebutan. Dalam kajian ini, pengetahuan tentang motivasi, emosi, sikap terhadap bahasa kedua, dan personaliti diandaikan mempunyai hubungan dengan pencapaian bahasa Melayu pelajar Melayu daripada tiga buah sekolah berasrama penuh di Negeri Sembilan.

Umumnya, dalam pembelajaran bahasa kedua, pelajar Melayu yang dikaji kerap menggunakan analogi pengalaman mereka daripada bahasa ibunda untuk menggambarkan ciri – ciri bahasa kedua yang berbeza. Mereka

tahu fonem merupakan kategori bunyi yang digunakan sebagai bahan fonologi. Morfem, iaitu unit – unit kecil makna menjadi perkataan tertentu yang khusus dalam ayat. Sintaksis, iaitu peraturan tatabahasa dicipta untuk menerangkan fonem, morfem dan gabungan perkataan mengikut wacana yang tertentu. Semua ciri – ciri ini sangat penting dalam cara mereka berkomunikasi dan memahami peraturan tatabahasa bahasa kedua. Seringkali maklumat ekstralinguistik yang memang wujud dalam pembelajaran bahasa kedua diabaikan oleh pendidik sebagai faktor yang mengukuhkan minat pelajar. Hakikat bahawa pelajar dianggap dapat berkomunikasi dan memahami bahasa kedua tanpa pembolehubah ekstralinguistik membuat penyelidik bertanya – tanya bagaimanakah pembolehubah tersebut akan memberi kesan kepada pencapaian bahasa Melayu pelajar yang dikaji pada skala yang lebih besar merentasi tiga sekolah yang berlainan kategori. Lanjutan daripada persoalan ini, penyelidik meyerlahkan faktor motivasi, emosi, sikap dan personaliti sebagai pembolehubah ekstralinguistik dalam kajian ini bersandarkan maklumat daripada kajian – kajian lepas oleh pengkaji yang terdahulu.

Motivasi ialah komponen yang penting dalam menentukan kejayaan pembelajaran bahasa kedua seseorang pelajar di sekolah. Antara motivasi yang diberi tumpuan oleh penyelidik dalam kajian ini ialah motivasi integratif dan motivasi instrumental. Menurut Cookes dan Schmidt (1991), motivasi Integratif merupakan kecenderungan pelajar menentukan

matlamat mereka dalam mempelajari bahasa kedua. Faktor ini merangkumi sikap positif pelajar terhadap bahasa kedua disamping keinginannya untuk menjadi ahli masyarakat bahasa kedua. Hudson (2000) berpendapat, motivasi instrumental ialah keinginan untuk memperoleh sesuatu yang praktikal atau konkrit menerusi pembelajaran bahasa kedua, misalnya ganjaran sosial, ekonomi atau meningkatkan status dalam masyarakat. Seterusnya, menurut Gardner (2000), sikap tidak mempunyai pengaruh secara langsung terhadap pembelajaran bahasa kedua tetapi sikap mempengaruhi motivasi pelajar. Menurut Gardner lagi, motivasi, dalam kata lain, dapat diterjemahkan sebagai gabungan usaha dan keinginan seseorang untuk mencapai matlamat pembelajaran bahasa yang positif. Dapat dikatakan bahawa motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua timbul seiring dengan sikap, sahsiah dan personaliti. Menurut Reid (1998), faktor emosi termasuklah kebimbangan (tinggi/rendah), sikap (positif/negatif), motivasi (kuat/lemah), keyakinan diri, ketabahan dan rasa tanggungjawab. Setiap pelajar dilengkapi dengan buruj mereka tersendiri dan keamatan faktor emosi. Ini mempengaruhi tugas pembelajaran bahasa kedua. Dengan jelas Reid (1998) berpendapat terdapat pertalian yang rapat antara emosi dengan jenis personaliti seseorang pelajar.



## **Bahasa Kedua dalam Pendidikan di Malaysia**

Keinginan mempelajari sesuatu bahasa lain selain bahasa ibunda menunjukkan terdapatnya hubungkait antara minat pelajar bahasa dengan bahasa kedua tersebut. Contohnya, seorang pelajar berkata, “Saya suka bahasa Perancis kerana bahasa itu mengandungi nilai romantik”. Kata-kata ini membayangkan keadaan pelajar membayangkan penutur jati melafazkan kata-kata dengan nada yang sopan dan mata yang bercahaya. Seorang pelajar lain pula berkata, “ Saya suka bahasa Jepun kerana bahasanya lembut dan sopan”. Tuturan yang stereotaip ini keluar daripada minda pelajar sambil membayangkan penutur lelaki atau wanita Jepun yang mengganguk – anggukkan kepala sewaktu berbual. Apa yang ingin digambarkan oleh penyelidik dalam dua situasi tersebut ialah pelajar mempelajari bahasa kedua atas pelbagai jenis motivasi. Hal ini diperkukuhkan oleh Gardner (2005) bahawa kebolehan menguasai dan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa merupakan satu aset yang sangat bernilai dalam dunia tanpa sempadan. Dalam hal ini, Malaysia tidak terkecuali. Di samping itu, kemahiran berbahasa dapat meluaskan pengetahuan juga membantu proses perkembangan personaliti individu ke arah yang lebih positif.

Jelas bahawa kemahiran menguasai pelbagai bahasa merupakan faktor penting dalam merealisasikan matlamat Malaysia menuju era globalisasi,

terutama dalam bidang akademik dan seterusnya ke arah pencapaian pendidikan bertaraf dunia. Untuk memperbaiki kehidupan dan untuk membina negara menjadi sebuah negara maju, kita perlu berupaya memahami bahasa asing (Mahathir Mohamad, 2011). Kebolehan pelbagai bahasa dapat melahirkan generasi yang berketerampilan dalam menguasai beberapa bahasa antarabangsa. Pengajaran bahasa antarabangsa turut memberi sumbangan dalam menjayakan keseluruhan matlamat pendidikan ( Akta Pendidikan, 1996 ) . Bagi mencapai matlamat tersebut, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan beberapa bahasa antarabangsa utama di sekolah – sekolah berasrama penuh dan kini diperluas ke sekolah – sekolah harian biasa. Bahasa – bahasa antarabangsa yang diperkenalkan termasuklah bahasa Arab, Perancis, Jerman, Jepun dan Mandarin (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2006). Berdasarkan senario semasa ini, penyelidik mengambil inisiatif untuk mengenal pasti hubungan faktor ekstralinguistik bahasa kedua dengan pencapaian bahasa Melayu pelajar Melayu yang jamak bahasa.

### **Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Melayu Kajian**

Terdapat tiga buah sekolah yang terlibat dalam kajian ini, iaitu Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Jempol, Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar, dan Sekolah Menengah Sains Rembau di Negeri Sembilan.

Sekolah Berasrama Penuh (seterusnya SBP) merupakan kumpulan sekolah menengah perdana yang dikhaskan untuk pelajar-pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah dan Penilaian Menengah Rendah. Di SBP, waktu belajar pelajar telah diatur oleh pihak sekolah dan setiap pelajar perlu mematuhi jadual tersebut. Inilah satu keunikan kehidupan sekolah berasrama penuh jika dibandingkan dengan kehidupan pelajar di sekolah harian biasa.

Selaras dengan falsafah pendidikan di SBP untuk menyediakan suasana persekolahan dan pembelajaran yang terancang, terkawal dan sempurna demi memupuk dan memperkembangkan kebolehan pelajar-pelajar berpotensi ke arah kecemerlangan, sudah pasti penekanan terhadap pencapaian tinggi dalam semua pelajaran dititikberatkan, malahan Bahasa Melayu ialah mata pelajaran yang wajib lulus dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Walaupun di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Jempol (seterusnya SBPIJ) mewajibkan bahasa Arab untuk bahasa ketiga selepas bahasa Inggeris, keputusan peperiksaan bahasa Melayu untuk PMR dan SPM tetap 100% lulus. Begitu juga bagi Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar (seterusnya STJ). Pencapaian bahasa Melayu untuk PMR dan SPM pelajar – pelajarnya mencapai angka 100% untuk kedua – dua peperiksaan wajib diambil di Malaysia.

Terdapat 64 buah sekolah berasrama penuh (SBP) di seluruh Malaysia. Setiap SBP wajib menyediakan mata pelajaran bahasa yang lain selain bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Di sebuah sekolah biasanya terdapat bahasa elektif wajib seperti bahasa Jepun, bahasa Mandarin, bahasa Perancis, bahasa Jerman dan bahasa Arab. Setiap dua tahunan diadakan Festival Bahasa khas untuk bahasa – bahasa tersebut. Dalam festival inilah pelajar diberi peluang untuk menunjukkan bakat bertutur dalam bahasa – bahasa yang diambil. Malahan pelajar – pelajar ini diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran ke negara – negara asal bahasa tersebut. Belajar lebih daripada satu bahasa merupakan satu nilai tambah untuk pelajar ini mengenali dengan lebih dekat bahasa, budaya dan perbezaan pemikiran bangsa penutur jati bahasa kedua dengan bahasa ibunda pelajar sendiri. Walaupun peruntukan masa untuk belajar bahasa kedua di SBP hanya sebanyak 3 waktu seminggu, masa tersebut cukup untuk pelajar menguasai bahasa kedua atas faktor – faktor yang tertentu. Faktor – faktor ekstralinguistik ini mempunyai daya tarikan yang kuat untuk pelajar menghayati bahasa dan budaya bahasa kedua.

## Pernyataan Masalah

Faktor ekstralinguistik bahasa kedua dalam konteks penyelidikan ini merujuk motivasi, emosi, sikap dan personaliti pelajar Melayu daripada tiga kumpulan, iaitu Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Jempol, Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar, dan Sekolah Menengah Sains Rembau di Negeri Sembilan. Sebelum kajian ini dilaksanakan penyelidik tidak dapat menentukan faktor ekstralinguistik B2 yang dominan dalam pembelajaran B2 pelajar Melayu walaupun telah mengenal pasti keujudan motivasi, emosi, sikap dan personaliti.

Motivasi untuk mempelajari B2 bukanlah satu usaha yang mudah kerana melibatkan aspek kognisi, perasaan dan perubahan tingkah laku pembawaan budaya dalam bahasa tersebut. Pembawaan budaya bahasa kedua boleh mempengaruhi faktor ekstralinguistik pelajar sama ada mengakibatkan kesan yang positif atau negatif terhadap bahasa itu. Setakat ini penyelidik masih tidak dapat memastikan yang mana satu daripada faktor – faktor tersebut yang memberi impak positif terhadap kejayaan pelajar Melayu dalam B2. Sebagai contoh, pelajar – pelajar Melayu yang dikaji mungkin ingin mempelajari B2 atas faktor motivasi. Walau bagaimanapun, pelajar boleh juga mengutamakan faktor sikap atau emosi atau personaliti. Faktor ekstralinguistik inilah yang hendak ditentukan oleh penyelidik melalui kajian penyelidikan ini.

Faktor ekstralinguistik bahasa kedua dalam penyelidikan ini dan pencapaian mata pelajaran bahasa Melayu adalah dua pembolehubah yang belum dikaji oleh para penyelidik di Malaysia. Penyelidik meletakkan Hipotesis Alternatif bahawa kemahiran jamak bahasa pelajar Melayu yang dikaji dapat memberi kelebihan pemahaman makna bahasa kedua kepada pelajar sendiri tetapi hipotesis ini perlu dibuktikan dengan menjalankan penyelidikan ini. Penyelidik mengambil contoh pendapat Bialystok (1997) bahawa orang yang jamak bahasa mempunyai kebolehan analitik yang tinggi. Dengan kebolehan ini, mereka dapat menghasilkan kemahiran teknologi yang tinggi berbanding pelajar ekabahasa. Dari perspektif psikolinguistik, ekabahasa menunjukkan perkembangan personaliti dalam lingkungan yang terhad. Keadaan sebegini menyebabkan personaliti yang terbentuk tidak ada kepelbagaian kemahuan walhal pada zaman dunia tanpa sempadan ini, Malaysia memerlukan modal insan yang cemerlang dalam pelbagai jurusan. Penyelidik menjangkakan perkembangan personaliti pelajar Melayu yang jamak bahasa adalah melangkaui sempadan lingkungan yang terhad.

Kajian ini sangat kurang dalam khazanah ilmu di Malaysia walaupun telah lama bertapak di negara-negara Barat. Kesedaran tentang faktor ekstralinguistik masih tidak diambilkira kerana sistem yang berorientasikan peperiksaan. Daripada pemerhatian penyelidik, terhadap pelajar Melayu yang mengambil B2, hubungan faktor ekstralinguistik bahasa kedua

dengan pencapaian mata pelajaran bahasa Melayu kelihatan saling berhubungan dan hubungan ini sangat kukuh.

Akan tetapi masyarakat umum di Malaysia masih beranggapan pembelajaran bahasa yang formal perlu diakhiri dengan kecemerlangan pada gred A mata pelajaran Bahasa Melayu juga mata pelajaran Bahasa Inggeris. Jarang atau tidak ada penegasan yang berhubung peri pentingnya cemerlang dalam bahasa-bahasa lain. Walaupun sudah seabad merdeka, masyarakat masih kekal dengan budaya pendidikan ala penjajah yang mengutamakan pelajar belajar bahasa Inggeris dan cemerlang dalam semua mata pelajaran yang berkaitan dengan bahasa Inggeris.

Semasa menjalankan penyelidikan ini, penyelidik menghadapi beberapa kekangan. Antaranya di Malaysia penguasaan bahasa asing dalam kalangan pelajar Melayu adalah sangat lemah. Sikap ini pula ditambah dengan sikap segelintir masyarakat yang kurang mengambil tahu malah menentang penggunaan pelbagai bahasa asing kerana bimbang penguasaan bahasa yang banyak akan mengganggu keputusan bahasa Melayu semasa peperiksaan.

Setakat ini Teori Monitor belum banyak diterapkan dalam penyelidikan bahasa yang berkaitan dengan pembelajaran B2 di Malaysia .Namun

penyelidik berusaha untuk mengimplimentasikan prinsip – prinsip Teori Monitor dalam kajian ini terhadap tiga kumpulan pelajar Melayu yang sedang menuntut di sekolah berasrama penuh. Semasa menjalankan kajian, penyelidik mendapati proses – proses dalaman Teori Monitor memang sebenarnya wujud dalam pembelajaran B2 tetapi cara untuk mendapat maklumat tidak ditegaskan oleh Krashen kerana beliau sendiri tidak memberikan sebarang instrumen pengukuran misalnya soal selidik atau ujian bagi membantu mana – mana pengkaji yang berminat melaksanakan pembuktian Teori Monitor dalam kaedah lapangan.

### **Persoalan Kajian**

Persoalan kajian yang hendak dikaji oleh penyelidik adalah seperti yang berikut :

1. Apakah faktor – faktor ekstralinguistik B2 pelajar Melayu yang dominan berdasarkan kumpulan ?
2. Adakah terdapat hubungan yang positif antara pencapaian bahasa Melayu Pelajar Melayu dengan pembolehubah ekstralinguistik bahasa kedua.
3. Sejauh manakah kekuatan hubungan antara pencapaian bahasa Melayu pelajar Melayu dengan faktor – faktor ekstralinguistik B2 ?
4. Apakah rasional Teori Monitor Krashen ( 2004 ) mengikut konteks situasi pembelajaran bahasa pelajar Melayu berdasarkan mengikut kumpulan kajian?



## **Objektif Kajian**

Objektif kajian penyelidikan ini adalah seperti yang berikut :

1. Menghuraikan faktor ekstralinguistik B2 yang dominan berdasarkan kumpulan pelajar Melayu yang dikaji,
2. Menentukan hubungan pencapaian bahasa Melayu pelajar Melayu dengan faktor ekstralinguistik B2 mengikut kerangka teori,
3. Membandingkan kekuatan hubungan pencapaian bahasa Melayu pelajar Melayu dengan faktor ekstralinguistik B2 berdasarkan kumpulan, dan
4. Merumuskan rasional Teori Monitor mengikut konteks situasi pembelajaran bahasa pelajar kajian.

## **Hipotesis Kajian**

Memandangkan objektif kajian 2 dan 3 di atas memerlukan penganalisan data kuantitatif maka penyelidik berusaha untuk mencapai objektif kajian yang berkaitan dengan mengemukakan hipotesis kajian seperti yang berikut:

Hipotesis Alternatif: Terdapat hubungan positif teguh antara pencapaian bahasa Melayu dengan faktor ekstralinguistik bahasa kedua pelajar Melayu di Negeri Sembilan mengikut kumpulan.

Hipotesis Nol : Tidak terdapat hubungan positif teguh antara pencapaian bahasa Melayu dengan faktor ekstralinguistik bahasa kedua pelajar Melayu di Negeri Sembilan mengikut kumpulan.

Penyelidik berhasrat untuk mencapai hipotesis alternatif di hujung penyelidikan ini selepas pengumpulan maklumat semua data kajian. Hipotesis Nol disertakan sebagai pilihan yang terpaksa diterima oleh penyelidik sekiranya tafsiran data tidak memihak Hipotesis Alternatif. Walau bagaimanapun penyelidik berharap akan memperolehi dapatan kajian yang membuktikan kebenaran Hipotesis Alternatif.

### **Kepentingan Kajian**

